

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
(SEPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.06.2014

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

(a) adakah pendirian rasmi Kerajaan berkenaan kerugian MAS dalam Kerajaan mengawal MAS melalui 64.9% Khazanah Nasional Bhd. dan minta juga Kerajaan beri butiran terperinci jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan membantu MAS mengikut pecahan setiap tahun bermula dari tahun 2000 hingga tahun 2013; dan

(b) berapakah kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan setakat Mei 2014 berkaitan dengan isu kehilangan pesawat MH370 dan adakah mana-mana

negara yang memberi khidmat bantuan dalam SAR ada menuntut apa-apa kos daripada Kerajaan, jika ada tolong berikan butiran terperinci negara dan kos yang dituntut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 26 Februari 2014 telah membincangkan isu berhubung kerugian MAS dan mesyuarat telah memutuskan supaya pihak Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) segera menjalankan kajian *due diligence* untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan opsyen-opsyen penyelesaian terbaik. Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telahpun memulakan kajian berkaitan prestasi masa lampau dan prestasi semasa syarikat penerbangan tersebut. Kajian ke atas MAS masih dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Khazanah sebaik sahaja ia dimuktamadkan bagi membolehkan hala tuju MAS ditentukan kelak.

adalah ditanggung oleh negara-negara yang terlibat dan sehingga kini, Kerajaan masih lagi belum menilai keseluruhan kos kerana operasi SAR ini masih berjalan.

Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) telah memegang 69.34%kepentingan dalam MAS melalui syarikat milik penuhnya iaitu Penerbangan Malaysia Bhd (PMB) mulai 3 Disember 2004. Sehingga kini, Khazanah telah melabur sejumlah RM5.1 bilion ke dalam MAS menerusi langganan tiga (3) terbitan hak dan saham keutamaan boleh ubah boleh tebus (*redeemable preference shares* atau RCPS) secara berperingkat pada tahun 2007, 2010 dan 2013. Sehingga 31 Mei 2014, Khazanah memegang sejumlah 11,592,389,200 saham MAS atau 69.37% pegangan dalam syarikat penerbangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkenaan dengan kos operasi SAR yang perlu ditanggung oleh Kerajaan berikutan kehilangan pesawat MH370, ianya dilaksanakan sejajar dengan standard yang ditetapkan di bawah *Annex 12 Search and Rescue (SAR), Chicago Convention 1944* di mana setiap negara perlu menyediakan perkhidmatan SAR bagi kawasan di dalam kawasan *Search and Rescue Region (SRR)* yang telah ditetapkan oleh *Aviation Security, International Civil Aviation Organisation (ICAO)*. Dalam hubungan ini, kos operasi SAR